

Israel halang Dr Mahathir kunjungi Baitulmaqdis

BH - 17/5/2005



DR MAHATHIR disambut Ahmad Qoray ketika melawat Ramallah di Tebing Barat, semalam. - Gambar AFP

RAMALLAH: Israel semalam menghalang Tun Dr Mahathir Mohamad daripada memasuki kawasan Baitulmaqdis ketika beliau melawat Tebing Barat.

Rangka lawatan Dr Mahathir tertangguh selama lebih sejam di lintasan Allenby di Jordan ketika beliau cuba memasuki Tebing Barat dan pegawai Israel di situ melarangnya memasuki Baitulmaqdis atau bandar Jenin di Tebing Barat, kata Perdana Menteri Palestin, Ahmed Qoray.

"Saya mahu menyatakan kepada seluruh dunia bahawa ini adalah pemikiran politik penjajah.

"Beliau adalah tokoh penting, seorang pemimpin antarabangsa dan Israel menghalang beliau daripada memasuki Baitulmaqdis serta Jenin," katanya pada sidang akhbar bersama Dr Mahathir di Ramallah, Tebing Barat sambil memohon maaf mengenai kejadian itu daripada bekas Perdana Menteri Malaysia itu.

"Kami tidak mendapat sebarang permohonan untuk membenarkan lawatan ini. Kami tidak tahu beliau datang dan kami tidak boleh menguruskannya," kata seorang jurucakap Kementerian Luar Israel sambil menegaskan bahawa Israel tidak

mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Dr Mahathir yang menjuarai perjuangan Palestin ketika memerintah Malaysia selama 22 tahun berkata, beliau melawat Tebing Barat sebagai menyatakan sokongannya terhadap rakyat Palestin.

"Bukan mudah untuk datang ke sini dan perjalanan saya banyak kali tertangguh. Saya tidak dibenar memasuki Baitulmaqdis. Saya juga cuba ke Jenin tetapi tidak boleh.

"Saya harap dapat ke Baitulmaqdis, ibu negara Palestin pada masa depan," katanya.

Sumber di pejabat Qoray menyatakan, bekas Perdana Menteri itu akan berlepas ke Abu Dis bagi membolehkannya melihat Kubah Emas di Kompleks Masjid al-Aqsa dari sana.

Majlis perbandaran Jenin berkata, Dr Mahathir dijemput ke bandar di utara Tebing Barat itu untuk meninjau sendiri kemusnahan akibat kezaliman tentera Yahudi di situ sejak intifada dilancarkan lima tahun lalu.

Ia menyatakan, majlis berkenaan meminta beliau mengetuai kempen antarabangsa untuk membina semula kawasan itu. - AFP